

PENGARUH MODAL SOSIAL KE ATAS PENCAPAIAN PENDIDIKAN: KELESTARIAN INSAN DALAM PEMBANGUNAN

Noraniza Binti Yusoff¹

¹*Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (UUM COLGIS), 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia
noraniza@uum.edu.my*

ABSTRAK

Modal sosial merangkumi cara aktor ekonomi berinteraksi dan menguruskan diri mereka untuk menjana pertumbuhan dan pembangunan. Terdapat pertumbuhan bukti melalui definisi Putnam, Coleman dan definisi-definisi lain bahawa modal sosial boleh memberi kesan ke atas hasil pembangunan seperti pertumbuhan ekuiti dan penghapusan kemiskinan. Objektif kajian ini ialah menentukan corak modal sosial di kalangan pelajar sekolah. Corak modal sosial ini dihubungkan dengan kelestarian insan untuk menggalakkan berlakunya transformasi dalam pembangunan negara. Kaedah kajian yang digunakan ialah pendekatan pragmatisme iaitu campuran pendekatan kuantitatif dan kualitatif dalam pengutipan dan penganalisisan data. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar sekolah kajian mempunyai modal sosial kumpulan dan jaringan; dan norma sosial. Ini merupakan satu fenomena yang membolehkan pelajar untuk memainkan peranan dalam penciptaan kesedaran dan perubahan politik, serta meletakkan negara ke laluan pembangunan mampan bagi masa depan bersama negara Malaysia. Ini selari dengan kandungan Kata-kata Aluan Pengerusi dalam *Report of the World Commission on Environment and Development: Our Common Future* iaitu Suruhanjaya tersebut menuntut usaha bersama dan norma-norma baru tingkah laku di semua peringkat dan dalam kepentingan semua. Perubahan dalam sikap, nilai-nilai sosial, dan dalam aspirasi yang laporan Suruhanjaya ini menegaskan ialah bergantung pada kempen yang luas dalam pendidikan, perbahasan dan penyertaan awam. Suruhanjaya ini juga menyeru kumpulan “rakyat”, organisasi bukan kerajaan, institusi pendidikan dan komuniti saintifik bagi perkara Suruhanjaya ini.

Kata kunci: Modal sosial¹; pendidikan²; kelestarian³; transformasi pembangunan⁴; norma⁵.

PENGENALAN

Modal sosial merangkumi cara aktor ekonomi berinteraksi dan menguruskan diri mereka untuk menjana pertumbuhan dan pembangunan. Terdapat pertumbuhan bukti melalui definisi Putnam, Coleman dan definisi-definisi lain bahawa modal sosial boleh memberi kesan ke atas hasil pembangunan seperti pertumbuhan ekuiti dan penghapusan kemiskinan. Pembinaan modal sosial bertanggungjawab membentuk ekonomi “generasi kedua” kerana dalam modal sosial terkandung unsur-unsur kepercayaan, jaringan sosial dan lain-lain lagi. Modal sosial turut menekankan pada kerjasama dalam kumpulan yang berpegang pada kejujuran, komitmen, pelaksanaan tugas dan saling hubungan antara ahli (Fukuyama, 1999). Terdapat beberapa saluran yang mempengaruhi fungsi modal sosial iaitu pertama, pengaliran maklumat; kedua, tindakan kolektif yang bergantung pada jaringan sosial; dan ketiga, perpaduan yang digalakkan oleh jaringan sosial yang membantu menterjemahkan mentaliti “saya” kepada mentaliti “kami”. Kesemua saluran yang telah disebutkan di atas membolehkan modal sosial menjalankan fungsinya menerusi elemen-elemennya seperti kepercayaan, saling hubungan, maklumat dan kerjasama kumpulan dalam jaringan sosial yang akhirnya semua aspek ini akan membolehkan penciptaan nilai dalam kelompok individu yang saling berhubungan (Putnam, 2000).

Kajian Wallis, Killbery dan Dollery (2003) pula mendapati bahawa perpaduan sosial dan kecekapan keinstitutional memudahkan peningkatan kadar celik huruf dan peningkatan pendidikan, mengurangkan kesan kemiskinan, memperbaiki kesihatan awam dan mengurangkan ketidaktenteraman dan jenayah. Pada Disember 2002, Perhimpunan Agung

bangsa-Bangsa Bersatu menerima pakai resolusi 57/254 untuk dimasukkan ke dalam Dekad Pendidikan untuk Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations Decade of Education for Sustainable Development/DESD*). Peranan pendidikan untuk pembangunan lestari ialah untuk membantu manusia membangunkan sikap, kemahiran dan pengetahuan untuk membuat keputusan untuk faedah diri mereka sendiri dan orang lain, pada masa sekarang dan untuk masa hadapan dan untuk bertindak atas keputusan tersebut. Pendidikan merupakan hak asasi manusia dan ejen utama transformasi ke arah pembangunan lestari dengan meningkatkan keupayaan manusia untuk mengubah visi untuk masyarakat menjadi realiti (Canadian Commission for UNESCO, n.d.). Pendidikan perlu dilihat sebagai alat utama untuk membentuk dan memenuhi matlamat transformasi khususnya di kawasan luar bandar dan harus menyumbang pada kesejahteraan penduduk luar bandar termasuk keselamatan makanan, kesihatan, pekerjaan, perlindungan alam sekitar dan pengurusan sumber-sumber semula jadi manusia (West, 2013).

Persoalan yang lebih penting ialah bagaimana modal sosial boleh mempengaruhi pencapaian dalam pendidikan? Kajian lepas di luar negara menunjukkan modal sosial seperti keluarga dan komuniti (termasuk sekolah dan kejiranan) mempunyai pertalian dengan pencapaian pendidikan kanak-kanak dan remaja. Smith, Beaulieu dan Israel (1992) mendapati bahawa:

- a. Pelajar yang mempunyai modal sosial keluarga yang tinggi (iaitu tinggal dengan kedua-dua ibu bapa, seorang adik-beradik, ibu yang tidak bekerja semasa anak-anak masih kecil dan ibu yang mempunyai jangkakan anak untuk melanjutkan pengajian ke peringkat kolej atau universiti) dan tinggal dalam komuniti yang mempunyai modal sosial yang tinggi, kadar keciciran hanya 2.6 peratus.
- b. Jika modal sosial keluarga tinggi tetapi modal sosial komuniti pula rendah, peratusan keciciran pelajar ialah 11.6 peratus, manakala jika modal sosial komuniti tinggi dan modal sosial keluarga pula rendah peratusan keciciran pelajar ialah 15.2 peratus.
- c. Jika kedua-dua modal sosial keluarga dan komuniti rendah, maka keciciran pelajar dalam pendidikan agak tinggi peratusannya, iaitu 47.7 peratus.

ULASAN KARYA

Modal sosial menurut OECD Insights: Human Capital (n.d.) ditakrifkan sebagai rangkaian bersama dengan norma dikongsi, nilai dan pemahaman yang memudahkan kerjasama dalam atau di kalangan kumpulan. Tahap analisis modal sosial oleh pengkaji lepas ialah pada tahap mikro dan tahap meso. Dalam aspek pengutipan data terdapat satu kaedah pengutipan data yang digunakan oleh majoriti pengkaji iaitu kaedah '*nonreactive*' menggunakan data sekunder yang telah dikumpulkan oleh agensi-agensi tertentu seperti agensi sumber manusia, agensi kesihatan dan data peperiksaan atau agensi pendidikan. Antara pengkaji tersebut ialah Beaulieu, L.J., et al. (2000); Israel, G.D., Beaulieu, L.J. dan Hartless, G. (2001); Israel, G.D. dan Beaulieu, L.J. (2004); Parcel, T.L. dan Dufur, M.J. (2001); Teachman, J.D., Paasch, K. dan Carver, K. (1996); John, P. (2005); Boyle, M.H., Georgiades, K. dan Mustard, C. (2007); Bankston III, C.L. dan Zhou, M. (2002); Goyette, K.A. dan Conchas, G.Q. (2002); dan Smith, M.H., Beaulieu, L.J. dan Israel, G.D. (1992). Kaedah lain yang digunakan oleh beberapa orang pengkaji ialah temu bual contohnya Abbas, T. (2002) dan tinjauan menerusi borang kaji selidik sebagai contohnya Furgeson, K. M. (2006). Analisis data kajian lepas majoritinya menggunakan analisis pelbagai tahap, di mana bagi pengkaji yang menggunakan data sekunder '*nonreactive*' analisis yang digunakan ialah seperti *Logistic regression model*, *Ordinary least squares (OLS) regression* dan *chi-square*. Bagi pengkaji yang mendapatkan

data menerusi kaedah tinjauan (borang kaji selidik), analisis yang digunakan ialah deskriptif dan *logistic regression model*.

Israel dan Beaulieu (2004) menunjukkan bahawa kesan sederhana ke atas skor ujian pelajar bagi komuniti yang mempunyai kestabilan tempat tinggal yang lebih tinggi dan peratusan pergerakan (*commutes*) yang lebih rendah serta turut menunjukkan pertalian positif dengan skor ujian. Komuniti tertutup dalam hierarki pusat penempatan menyederhanakan kesan komuniti lain dan sekolah. Komuniti memberi kesan yang positif dalam kumpulan keagamaan di kalangan remaja. Memainkan peranan pemimpin dalam organisasi tersebut, mempunyai kesan positif di mana hubungan yang lebih mendalam antara *mentor-protégé* adalah perlu untuk faedah pelajar. Bab 9, Cabaran Bandar dalam *Our Common Future* dalam perkara 68 mencadangkan supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengukuhkan keupayaan mereka untuk menyediakan kepemimpinan ke atas isu penempatan manusia. Kepemimpinan dalam kumpulan keagamaan boleh menjadi satu cara untuk merealisasikan perkara 68 tersebut (Report of the World Commission on Environment and Development: *Our Common Future*, n.d.).

Bagaimanapun, bilangan pelajar menukar sekolah dan ibu bapa mengenali ibu bapa yang lain adalah tidak penting dan dalam kes-kes tertentu selepas kesan-kesan pemboleh ubah yang lain diambil kira barulah pemboleh ubah ini di ambil kira (Israel dan Beaulieu, 2004). John (2005) mendapati jaringan ibu bapa tidak membantu pencapaian pelajar, kanak-kanak dengan ibu bapa yang mengenali dengan baik antara satu sama lain tidak menunjukkan pencapaian yang baik seperti kanak-kanak lain. Teachman, Paasch dan Carver (1996) pula mendapati ukuran ibu bapa mengenali ibu bapa rakan-rakan anak-anak adalah tidak berkaitan dengan keciciran dalam pendidikan. *Our Common Future, From One Earth to One World*, perkara 41 menunjukkan bahawa isu bukan sahaja berkenaan dengan bilangan orang tetapi bagaimana mereka berkaitan dengan sumber-sumber yang ada. Masalah penduduk perlu ditangani sebahagiannya oleh usaha-usaha untuk menghapuskan kemiskinan massa, agar memastikan akses yang lebih menyeluruh kepada sumber-sumber dan dengan pendidikan untuk meningkatkan potensi manusia untuk menguruskan sumber-sumber (Report of the World Commission on Environment and Development: *Our Common Future*, n.d.).

Smith, Beaulieu dan Israel (1992) mendapati pelajar yang mempunyai modal sosial yang tinggi (iaitu kedua-dua ibu bapa, seorang adik-beradik, ibu yang tidak bekerja semasa anak-anak masih kecil dan ibu yang mempunyai jangkaan anak untuk melanjutkan pengajian ke peringkat kolej atau universiti) dan tinggal dalam komuniti yang mempunyai modal sosial yang tinggi, kadar keciciran hanya 2.6 peratus. Jika modal sosial keluarga tinggi tetapi modal sosial komuniti pula rendah, peratusan keciciran pelajar ialah 11.6 peratus, manakala jika modal sosial komuniti tinggi dan modal sosial keluarga pula rendah peratusan keciciran pelajar ialah 15.2 peratus. Jika kedua-dua modal sosial keluarga dan komuniti rendah, keciciran pelajar dalam pendidikan agak tinggi peratusannya iaitu 47.7 peratus. Bertentangan dengan Israel dan Beaulieu (2004) yang berpendapat bahawa modal sosial sekolah dan komuniti adalah "*mediated*" pengaruh modal sosial keluarga, kebolehan pelajar dan latar belakang ke atas pencapaian pelajar. Crosnoe (2004) pula mendapati bahawa remaja yang mempunyai modal sosial di rumah sering kali mendapat lebih faedah daripada modal sosial di sekolah. Hasil kajian beliau juga menyediakan beberapa bukti pertindanan antara modal sosial keluarga dan sekolah iaitu (Teachman, Paasch dan Carver, 1996):

- a. Korelasi mendedahkan bahawa remaja yang datang daripada keluarga dengan saluran emosi modal sosial lebih berkesan dan menghadiri sekolah yang mempunyai modal sosial yang lebih tinggi serta saluran modal sosial yang lebih berkesan.
- b. Analisis *multilevel* mendedahkan bahawa tahap modal sosial berasaskan sekolah menentukan pembangunan modal sosial berasaskan keluarga adalah signifikan.

Coleman (1988) mendapati bahawa bilangan adik-beradik mempengaruhi modal sosial keluarga, iaitu bilangan adik-beradik yang ramai menyebabkan perhatian kurang diberikan kepada setiap anak oleh ibu bapa kerana ibu bapa terpaksa membahagi-bahagikan modal sosial (interaksi) di kalangan anak-anak, menghasilkan pendidikan yang rendah di kalangan anak-anak. Crosnoe (2004) mendapati darjah emosional tertutup antara ibu bapa dan anak-anak remaja mereka menjadi saluran modal sosial dalam mana ikatan rapat memudahkan pemindahan sumber *instrumental* tertentu seperti aspirasi (cita-cita) ibu bapa yang mana memupuk modal manusia remaja. Parcel dan Dufur (2001) mendapati kanak-kanak daripada keluarga yang besar adalah berada dalam risiko yang lebih tinggi bagi peningkatan tingkah laku bermasalah, barangkali disebabkan modal sosial yang ada bagi setiap anak dalam keluarga sebegini adalah berkurangan.

Kajian Coleman (1988) serta Goyette dan Conchas (2002) mendapati perhubungan di luar keluarga iaitu modal sosial bukan kekeluargaan juga memainkan peranan yang besar dalam menjelaskan perbezaan antara pelajar-pelajar Vietnam dan pelajar-pelajar berbangsa campuran Mexico Amerika (Pan Amerika). Boyle, Georgiades dan Mustard (2007) mendapati terdapat pertalian positif antara pengaruh kejiranan dan pencapaian pendidikan kanak-kanak yang tinggal di kediaman yang tidak disewa tetapi tidak bagi kanak-kanak yang tinggal di kediaman yang disewa. Terdapat pertalian positif antara pengaruh kejiranan dan pencapaian pendidikan di kalangan kanak-kanak yang lahir dalam ibu bapa bukan pendatang tetapi tidak bagi kanak-kanak yang lahir dalam keluarga pendatang (imigran). Beaulieu, et al. (2000) dan Israel dan Beaulieu (2004) mendapati modal sosial sekolah dan komuniti menjadi pemboleh ubah "*mediated*" (penengah) kepada pemboleh ubah modal sosial keluarga, kebolehan pelajar dan latar belakang ke atas pencapaian pelajar. Parcel dan Dufur (2001) dalam kajian berkenaan kesan modal sosial ke atas pengubahsuaian sosial kanak-kanak menggunakan istilah "*compensating effect*" bagi merujuk pada modal sosial komuniti. Perkara 74, *Our Common Future, From One Earth to One World*, menyatakan bahawa pengurusan bandar yang baik memerlukan pengagihan dana, kuasa politik dan kakitangan ke pihak berkuasa tempatan, yang adalah terbaik diletakkan untuk menghargai dan mengurus keperluan tempatan. Tetapi pembangunan mampan dalam bandar akan bergantung secara rapat pada majoriti orang miskin bandar yang adalah Pembina Bandar sebenar, memanfaatkan kemahiran, tenaga dan sumber-sumber dalam kumpulan kejiranan dan dalam sektor tidak formal. Kebanyakan boleh dicapai melalui skim 'tapak dan perkhidmatan' yang menyediakan isi rumah dengan perkhidmatan asas dan membantu mereka untuk meneruskan dengan membina rumah yang memadai sekitar bandar (Report of the World Commission on Environment and Development: *Our Common Future*, n.d.). Ini menunjukkan bahawa perhubungan kejiranan adalah penting untuk meningkatkan pencapaian pendidikan dan pembangunan lestari.

Dari segi definisi konseptual modal sosial terdapat pengkaji yang menggunakan definisi Coleman (1998) dengan beberapa pengubahsuaian seperti Furgeson (2006); Israel dan Beaulieu (2004); Parcel dan Dufur (2001); Teachman, Paasch dan Carver (1996); Bankston III dan Zhou (2002); dan Smith, Beaulieu dan Israel (1992). Coleman (1988), mendefinisikan

modal sosial keluarga sebagai perhubungan antara kanak-kanak dan ibu bapa termasuklah perhubungan dengan lain-lain ahli keluarga. Dalam aspek modal sosial keluarga, capaian anak-anak iaitu capaian kepada modal sosial orang dewasa bergantung kepada kehadiran fizikal orang dewasa dan perhatian yang diberikan oleh orang dewasa kepada anak-anak. Ketiadaan fizikal orang dewasa boleh dijelaskan sebagai kekurangan struktural dalam modal sosial keluarga. Elemen paling menonjol kekurangan struktural dalam keluarga modal ialah jenis keluarga ibu tunggal atau bapa tunggal. Walau bagaimanapun bagi jenis keluarga nuklear pula sama ada satu atau kedua-dua ibu bapa bekerja di luar rumah secara strukturnya ia juga boleh dilihat sebagai satu kekurangan di mana pengurangan modal sosial berpunca dari ketiadaan hubungan yang kuat meskipun dengan kehadiran ibu bapa pada siang hari atau tinggal dengan nenek atau datuk atau ibu saudara atau bapa saudara dalam atau berhampiran dengan isi rumah. Terdapat kekurangan modal sosial dalam keluarga jika tidak terdapat hubungan kuat antara kanak-kanak dan ibu bapa.

KONSEP KELESTARIAN INSAN

Kelestarian insan menurut Kira (2012) dikaitkan dengan mencapai matlamat dengan memberi perhatian dan tanggungjawab untuk sumber sosial dan semula jadi. Kelestarian mengandungi empat tonggak utama iaitu sumber ekologi, sumber sosial, sumber ekonomi dan sumber manusia. Kelestarian manusia menjana pembangunan dan pertumbuhan semula peribadi dan sumber profesional yang boleh meningkatkan keupayaan fungsi psikologikal dan sosial. Mengintegrasikan kelestarian ke dalam ruang fizikal sekolah, kebudayaan berkenaan organisasi dan program pendidikan akan secara terus menyebabkan sekolah boleh menjadi alat pengajaran lestari. Model kelestarian seluruh sekolah merangkumi tempat fizikal, program pendidikan dan kebudayaan organisasi dan berpusatkan kelestarian (Colorado State University, n.d.).

KAEDAH KAJIAN

Pendekatan kajian ialah deskriptif bertujuan untuk mengumpulkan pengetahuan tentang objek kajian tetapi ia cuba mengelakkan daripada membawa apa-apa perubahan dalam objek. Pengetahuan ini terutamanya menerangkan objek. Pendekatan kajian ini ialah pragmatisme di mana menggunakan kaedah campuran untuk mengutip dan menganalisis data. Unit analisis kajian ini ialah pada tahap mikro iaitu pelajar sekolah-sekolah menengah kebangsaan harian biasa/SMHB (sekolah-sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan) di Kedah yang hanya melibatkan pengutipan data pada satu tahap atau aras sahaja. Data untuk mengukur pemboleh ubah bebas diperolehi melalui mengedarkan borang kaji selidik kepada pelajar sekolah (individu) termasuk data pemboleh ubah bersandar diperolehi melalui merujuk kepada keputusan peperiksaan terkini pelajar sekolah. Objektif kajian ini ialah menentukan corak modal sosial di kalangan pelajar sekolah dan menentukan pengaruh modal sosial ke atas pencapaian pendidikan. Corak modal sosial ini dihubungkan dengan kelestarian insan untuk menggalakkan berlakunya transformasi dalam pembangunan negara.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Pelajar Sekolah Kajian

Terdapat 426 orang pelajar berumur 15 tahun hingga 16 tahun dalam sampel iaitu 49.1 peratus daripada jumlah bilangan pelajar sekolah. Seramai 331 orang pelajar berumur 13 tahun hingga 14 tahun iaitu 38.2 peratus daripada jumlah bilangan pelajar sekolah. Statistik latar belakang pelajar sekolah kajian mengikut umur boleh dilihat dalam Jadual 1. Seramai 743 orang pelajar sekolah kajian iaitu 85.7 peratus tiada bantuan biasiswa. Statistik boleh dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 1 Kategori umur pelajar sekolah kajian

Umur responden	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Kurang 10 tahun	0	0
11 tahun hingga 12 tahun	1	0.1
13 tahun hingga 14 tahun	331	38.2
15 tahun hingga 16 tahun	426	49.1
17 tahun hingga 18 tahun	108	12.5
Lebih daripada 19 tahun	1	0.1
Jumlah	867	100

Jadual 2 Perolehan biasiswa pelajar sekolah kajian

Biasiswa	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Ada	124	14.3
Tiada	743	85.7
Jumlah	867	100

Modal Sosial Dan Kelestarian Insan

Jadual 3 Taburan dan kecenderungan memusat bagi item-item (soalan-soalan) modal sosial

Soalan (Item)	kerapan (n)	atusan (%)	edian	ilat	: Interquartile	
	N					
menganggotai kumpulan/persatuan akademik di sekolah sebagai contohnya persatuan Bahasa Malaysia, sains, matematik, pendidikan Islam dan lain-lain	STS	9	1.0	3.0000	3.00	1.00
	TS	62	7.2			
	S	488	56.3			
	SS	308	35.5			
	Σ	867	100			
menganggotai kumpulan/persatuan beruniform di sekolah sebagai contohnya pengakap, bulan sabit, kadet bomba, puteri Islam dan lain-lain	STS	6	0.7	3.0000	3.00	1.00
	TS	43	5.0			
	S	460	53.1			

	SS	358	41.3			
	Σ	867	100			
menganggotai kumpulan/persatuan di sekolah berasaskan pada minat pelajar seperti kebajikan, kebudayaan, vokasional dan keagamaan contohnya persatuan kaunseling, perpustakaan, koperasi, pembimbing rakan sebaya, nasyid dan lain-lain	STS	19	2.2	3.0000	3.00	1.00
	TS	149	17.2			
	S	448	51.7			
	SS	251	29.0			
	Σ	867	100			
	STS	17	2.0	3.0000	3.00	1.00
menganggotai kumpulan/persatuan sukan di sekolah sebagai contohnya persatuan seni mempertahankan diri, olah raga, catur dan sukan padang	TS	115	13.3			
	S	455	52.3			
	SS	280	32.3			
	Σ	867	100			
ahli kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah mempunyai ramai ahli	STS	10	1.2	3.0000	3.00	1.00
	TS	120	13.8			
	S	509	58.7			
	SS	228	26.3			
	Σ	867	100			
Ahli-ahli kumpulan/persatuan yang saya anggotai sekolah	STS	29	3.3	3.0000	3.00	0.00
	TS	135	15.6			
	S	488	56.3			
terdiri daripada kumpulan ekonomi (miskin/kaya) berbeza	SS	215	24.8			
	Σ	867	100			
Kumpulan/persatuan saya anggotai di sekolah menjalankan demokrasi	STS	91	10.5	3.0000	3.00	1.00
	TS	250	28.8			
	S	408	47.1			
	SS	118	13.6			
	Σ	867	100			
Saya menganggotai kumpulan/persatuan di luar sekolah	STS	86	9.9	2.0000	3.00	1.00
	TS	396	45.7			
	S	275	31.7			
	SS	110	12.7			
	Σ	867	100			
Peraturan-peraturan atau prinsip kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah menentukan kelakuan saya	STS	41	4.7	3.0000	3.00	1.00
	TS	200	23.1			
	S	477	55.0			
	SS	149	17.2			
	Σ	867	100			
Peraturan-peraturan atau prinsip kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah menentukan kelakuan ahli-ahli kumpulan/persatuan	STS	34	3.9	3.0000	3.00	1.00
	TS	185	21.3			
	S	497	57.3			
	SS	151	17.4			
	Σ	867	100			
Peraturan-peraturan atau prinsip kumpulan/persatuan yang saya anggotai menjadi garis panduan kepada ahli-ahli kumpulan/persatuan	STS	15	1.7	3.0000	3.00	0.00
	TS	103	11.9			
	S	557	64.2			
	SS	192	22.1			
	Σ	867	100			
Hubungan saya dengan ahli-ahli kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah terputus	STS	50	5.8	3.0000	3.00	1.00

Peraturan-peraturan atau prinsip kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah menentukan kelakuan saya	STS TS S SS Σ	41 200 477 149 867	4.7 23.1 55.0 17.2 100	3.0000	3.00	1.00
--	----------------------------------	--------------------------------	------------------------------------	--------	------	------

Nota: SL ialah skala likert
n ialah kekerapan sampel
STS ialah Sangat Tidak Setuju
TS ialah Tidak Setuju
S ialah Setuju
SS ialah Sangat Setuju
 Σ ialah jumlah keseluruhan

Hasil kajian mendapati bahawa pelajar sekolah kajian mempunyai modal sosial kumpulan dan jaringan; dan norma sosial. Statistik boleh dilihat dalam Jadual 3. Ini merupakan satu fenomena yang membolehkan pelajar untuk memainkan peranan dalam penciptaan kesedaran dan perubahan politik, serta meletakkan negara ke laluan pembangunan mampan bagi masa depan bersama negara Malaysia. Ini selari dengan kandungan Kata-kata Aluan Pengerusi dalam *Report of the World Commission on Environment and Development: Our Common Future* iaitu Suruhanjaya tersebut menuntut usaha bersama dan norma-norma baru tingkah laku di semua peringkat dan dalam kepentingan semua. Perubahan dalam sikap, nilai-nilai sosial, dan dalam aspirasi yang laporan Suruhanjaya ini menegaskan ialah bergantung pada kempen yang luas dalam pendidikan, perbincangan dan penyertaan awam. Suruhanjaya ini juga menyeru kumpulan “rakyat”, organisasi bukan kerajaan, institusi pendidikan dan komuniti saintifik bagi perkara Suruhanjaya ini.

Pengaruh Modal Sosial Ke atas Pencapaian Pendidikan Dan Kelestarian Insan

Jadual 4 Kadar kumpulan dan jaringan mengikut pencapaian/kecemerlangan pelajar

		Pencapaian/kecemerlangan pelajar			
		Kurang baik (%)	Baik (%)	Cemerlang (%)	Tidak Ditentukan (%)
Kumpulan dan jaringan	Sangat Tidak Setuju	0	0	0.6	3.3
	Tidak Setuju	6.5	4.0	4.3	16.7
	Setuju	79.6	82	75.2	66.7
	Sangat Setuju	13.9	13.9	19.9	13.3
	Total	n = 108	n = 568	n = 161	n = 30

$\chi^2 = 29.805$ S, $p < 0.05$

S = significant

Jadual 4, nilai khi kuasa dua ($\chi^2 = 29.805$) adalah signifikan pada aras 0.05 (aras minimum biasa untuk menolak hipotesis null). Jadi, nilai $p < 0.05$ bermakna bahawa khi kuasa dua ialah di atas aras yang perlu untuk mencapai aras 0.05, bermakna bahawa terdapat lebih daripada 5 peratus peluang bahawa ada hubungan antara kumpulan dan jaringan dengan

